



**No. Dasar: PNM/DS/17 -P1**

**Tarikh diluluskan: 14 Mac 2013**

## **DASAR GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

### **Kenyataan Dasar**

Memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu

## KANDUNGAN

1. PENGENALAN .....	2
2. KENYATAAN DASAR .....	3
3. SKOP .....	3
4. DEFINISI .....	3
5. OBJEKTIF .....	4
6. STRATEGI .....	5
7. AKTIVITI .....	6
8. PENGEMASKINIAN DASAR .....	11
9. TARIKH KUATKUASA .....	11
LAMPIRAN A .....	12
Sumber Rujukan	

## DASAR GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

### 1. PENGENALAN

1.1 Dasar Galakan Membaca ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara mengikut *Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)* (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(m) iaitu :

*“menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.”*

1.2 Dasar ini selaras dengan strategi *Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat* perkara 4.7.5 iaitu :

*“untuk menanam dan menggalakkan minat membaca”*

1.3 Dasar ini menyokong matlamat *Dasar Buku Negara* perkara 3 iaitu:

*“memastikan rakyat Malaysia mempunyai minat membaca yang tinggi dan menggunakan bahan bacaan yang berkualiti.”*

1.4 Dasar ini juga menyahut cabaran dan menyokong matlamat Wawasan 2020 iaitu untuk melahirkan masyarakat yang kaya ilmu dan bermaklumat berasaskan budaya sains dan teknologi.

## 2. KENYATAAN DASAR

Memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu.

## 3. SKOP

3.1 Dasar ini diguna pakai oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk mempertingkatkan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia.

3.2 Dasar ini merangkumi semua aktiviti merancang, menyelaraskan, memantau dan mempromosikan budaya membaca.

## 4. DEFINISI

### 4.1 Literasi Maklumat

Literasi maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif. Doyle (2002), seorang tokoh utama mentakrifkan “literasi maklumat adalah satu kebolehan untuk mengakses, menilai, dan menggunakan maklumat dari pelbagai sumber”. Manakala UNESCO (2004) pula mentafsirkan, “*information literacy is a set of abilities to recognize what and when information is needed, locate and select critically the information, use ethically and communicate it effectively*”.

#### **4.2 Program Galakan Membaca**

Satu aktiviti yang dijalankan untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan membaca.

### **5. OBJEKTIF**

Dasar Galakan Membaca bertujuan untuk dijadikan garis panduan bagi mencapai objektif berikut :

- 5.1 Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca di kalangan masyarakat.
- 5.2 Memupuk minat dan amalan membaca di kalangan masyarakat Malaysia.
- 5.3 Meningkatkan tahap pembacaan rakyat Malaysia.
- 5.4 Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu.
- 5.5 Menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat perujukan maklumat kebangsaan mengenai pembacaan dan galakan membaca.
- 5.6 Menilai keberkesanan Program Galakan Membaca Kebangsaan.

## **6. STRATEGI**

- 6.1 Merancang, menyelaras dan memantau program galakan membaca di peringkat kebangsaan melalui dasar kerajaan yang sedia ada.
- 6.2 Merancang dan menyelaras keperluan dan perbelanjaan peruntukan bagi program galakan membaca.
- 6.3 Menjalin persepakatan pintar dengan agensi kerajaan, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), perpustakaan dan institusi lain dalam melaksanakan program galakan membaca.
- 6.4 Melaksana program publisiti dan promosi yang mantap dan berterusan bagi meningkatkan kesedaran program galakan membaca.
- 6.5 Melestarikan program literasi maklumat untuk kegunaan masyarakat.
- 6.6 Meningkatkan pembacaan melalui penggunaan teknologi maklumat.
- 6.7 Mengkaji dan menilai keberkesanan program galakan membaca tahunan dan setiap lima tahun.
- 6.8 Membina pangkalan data aktiviti dan fasilitator dalam bidang pembacaan di peringkat kebangsaan dan negeri.
- 6.9 Mengenal pasti dan mengiktiraf tokoh-tokoh ikon membaca di kalangan mereka yang mempunyai keberibadian dan cemerlang di dalam bidang masing-masing.

## 7. AKTIVITI

7.1 Merancang, menyelaras dan memantau program galakan membaca di peringkat kebangsaan melalui dasar kerajaan yang sedia ada dengan aktiviti berikut :

- (a) Merancang, mengurus dan menyelaras program galakan membaca sepanjang tahun dengan menyediakan kalendar aktiviti.
- (b) Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Galakan Membaca Perpustakaan Awam Negeri-Negeri sekurang-kurangnya sekali setahun.
- (c) Mendapatkan sokongan kewangan dari kerajaan dengan memohon peruntukan bawah rancangan pembangunan lima tahun kerajaan.
- (d) Memantau pelaksanaan aktiviti galakan membaca di peringkat kebangsaan dengan membuat lawatan aktiviti galakan membaca di peringkat negeri serta mendapat maklum balas pelaksanaan aktiviti melalui mesyuarat dan laporan.

7.2 Menggalak dan menyokong penyediaan kemudahan pembacaan melalui aktiviti berikut :

- (a) Memberi sumbangan bahan bacaan yang bersesuaian dengan golongan yang dikenal pasti.
- (b) Mempromosi pinjaman berkelompok.

- (c) Menggalak dan menyokong pewujudan sudut-sudut bacaan terutamanya di luar bandar dengan kerjasama jabatan dan institusi yang berkaitan.

7.3 Menjalin persepakatan pintar dengan agensi kerajaan, agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO), perpustakaan dan institusi lain dalam melaksanakan program galakan membaca melalui aktiviti berikut :

- (a) Meningkatkan program galakan membaca dengan rakan usahasama sedia ada yang sesuai dilaksanakan mengikut kumpulan sasaran.
- (b) Mengenal pasti dan menyokong aktiviti galakan membaca baru yang sesuai dijalankan secara usaha sama dengan berkesan.
- (c) Mengenal pasti institusi, persatuan, pertubuhan dan badan-badan bukan kerajaan serta pihak swasta bagi melaksanakan program galakan membaca secara usaha sama.
- (d) Membina rangkaian rakan usaha sama dalam gerakan literasi maklumat.

7.4 Melaksanakan program publisiti dan promosi yang mantap dan berterusan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pembacaan melalui aktiviti berikut :

- (a) Mendapatkan khidmat jururunding perhubungan awam atau agensi pengiklanan untuk perancangan dan pelaksanaan program.



- (b) Mengadakan program promosi yang meluas dalam media massa.
- (c) Menghasilkan bahan-bahan promosi pelbagai format untuk edaran dan kegunaan seluruh negara.

7.5 Melestarikan program literasi maklumat untuk kegunaan masyarakat.

- (a) Memantapkan modul literasi maklumat dan program latihan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pembacaan dan literasi maklumat di kalangan masyarakat.
- (b) Mewujudkan kumpulan pakar dan membangun modul literasi maklumat dalam talian bagi menggalakkan serta meningkatkan budaya masyarakat berilmu dan berbudaya IT.
- (c) Menjadi pusat perujukan maklumat kebangsaan mengenai pembacaan dan literasi maklumat.
- (d) Menyemarakkan program literasi maklumat melalui pelaksanaan program-program bersepadu.

7.6 Meningkatkan pembacaan melalui penggunaan teknologi maklumat aktiviti berikut :

- (a) Mewujudkan pangkalan data literasi maklumat Malaysia yang merangkumi maklumat berkaitan program pembacaan, penyelidikan, pakar, aktivis dan aktiviti membaca yang jalankan di peringkat kebangsaan.

- (b) Mengadakan kursus dan bengkel pencarian maklumat dan kemahiran maklumat secara dalam talian.
- (c) Memperluaskan aplikasi Internet dalam program dan aktiviti pembacaan.

7.7 Mengkaji dan menilai keberkesanan program galakan membaca mengikut jadual yang ditetapkan melalui aktiviti berikut :

- (a) Menjalankan wacana kumpulan sasaran (*focus group interview*) untuk menilai keberkesanan aktiviti membaca.
- (b) Membuat kajian penilaian keberkesanan program galakan membaca setiap tahun.
- (c) Menjalankan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia setiap lima tahun.
- (d) Menyediakan laporan pelaksanaan program galakan membaca kebangsaan setiap tahun.

7.8 Memantau kadar literasi dan kadar pembacaan masyarakat Malaysia melalui aktiviti berikut :

- (a) Mengkaji laporan dan penerbitan Jabatan Perangkaan serta Unit Perancangan Ekonomi yang berkenaan.
- (b) Menubuhkan jawatankuasa untuk memantau pelaksanaan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia.

- (c) Mendapatkan khidmat jururunding penyelidikan bagi melaksana dan menyediakan laporan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia setiap 5 tahun dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- (d) Menyediakan laporan hasil kajian bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk pihak berkuasa tertentu, media massa dan orang awam.

7.9 Melaksana program galakan membaca di tempat-tempat awam seperti pasar raya, terminal bas dan teksi, stesen keretapi dan lapangan terbang melalui aktiviti berikut :

- (a) Menjalinkan kerjasama dengan syarikat atau penerbit buku untuk memberi sumbangan kepada sudut bacaan yang dibina di tempat awam.
- (b) Mengadakan program galakan membaca di tempat-tempat awam.
- (c) Menempatkan bahan promosi program membaca di tempat-tempat awam sebagai salah satu cara mempromosikan budaya membaca.

7.10 Melaksana program membaca bersama golongan istimewa dan golongan khas seperti pesakit di hospital, anak-anak yatim, golongan kurang upaya, ibu tunggal, penghuni penjara dan penghuni pusat pemulihan akhlak melalui aktiviti berikut :

- (a) Mengadakan kerjasama dengan pertubuhan atau badan korporat serta agensi kerajaan/bukan kerajaan untuk golongan istimewa dan golongan khas bagi menjalankan program membaca.
- (b) Memberi sumbangan bahan yang bersesuaian.

**8. PENGEMASKINIAN DASAR**

Dasar ini perlu dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan objektif jabatan dan keperluan maklumat negara ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu.

**9. TARIKH KUAT KUASA**

Dasar ini berkuatkuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Ketua Pengarah PNM.



Diluluskan oleh:

\_\_\_\_\_  
**(DATO' RASLIN BIN ABU BAKAR)**

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

Tarikh : 14 Mac 2013

**LAMPIRAN A**

**SUMBER RUJUKAN**

- (i) *Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)( Akta 80).*
- (ii) Dasar Negara Bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat,1994.
- (iii) Dasar Buku Negara 1985
- (iv) Dasar Sosial Negara,2003.